



KEMENTERIAN PERPADUAN NEGARA

TEKS UCAPAN

**YB DATUK AARON AGO DAGANG
MENTERI PERPADUAN NEGARA**

**SEMPENA
MAJLIS PERASMIAN
PERAYAAN ETNIK SIAM
SONGKRAN KEBANGSAAN**

**13 APRIL 2026 (ISNIN)
10.30 PAGI**

WAT MACCHIMAPRASIT, JEJAWI, PERLIS

Salam Sejahtera dan Salam Perpaduan.

****Salutasi terkini akan dikongsikan kemudian***

PENDAHULUAN

1. Terlebih dahulu, saya ingin merakamkan penghargaan kepada **Persatuan Siam Malaysia serta komuniti Wat Macchimaprasit Jejawi Perlis** atas penganjuran **Perayaan Etnik Siam Malaysia Songkran Peringkat Kebangsaan 2026** bersama dengan Kementerian Perpaduan Negara.
2. Ini merupakan penganjuran peringkat kebangsaan kali kedua oleh Kementerian Perpaduan Negara.
3. **Perayaan Songkran adalah perayaan utama yang penuh bermakna dalam kalendar masyarakat Bumiputera Siam** di Malaysia yang menandakan kedatangan tahun baharu dengan penuh kesyukuran dan kegembiraan.
4. Untuk makluman, berdasarkan data **jumlah penduduk berketurunan Siam di Malaysia dianggarkan sekitar 70,000 orang**, dengan pecahan signifikan tertumpu di negeri utara Semenanjung seperti Kedah, Kelantan, Perlis dan Perak.

5. Saya ingin **memohon agar pihak media dapat memberikan tumpuan yang lebih kepada etnik Siam di Malaysia, memandangkan masih ramai yang kurang mengetahui kewujudan dan peranan komuniti ini dalam lanskap masyarakat negara kita.** Kekeliruan yang sering timbul, termasuk tanggapan bahawa etnik Siam hanya wujud di Thailand, perlu diperbetulkan melalui penyampaian maklumat yang tepat dan berterusan.
6. Sehubungan itu, adalah penting untuk usaha promosi dan hebahan dipergiatkan, khususnya dalam mengetengahkan kisah, sejarah serta sumbangan pelbagai etnik di negara ini. Naratif kepelbagaian ini perlu diangkat secara lebih meluas agar masyarakat dapat memahami, menghargai dan seterusnya memperkukuh semangat perpaduan dalam kalangan rakyat Malaysia.

SONGKRAN SIMBOL KEPELBAGAIAN

Hadirin yang saya kasihi sekalian,

7. **Perayaan Songkran adalah sebahagian daripada khazanah warisan budaya yang mencerminkan sejarah panjang dan keunikan masyarakat Siam di negara kita.** Dalam konteks Malaysia yang kaya dengan kepelbagaian, Songkran menjadi

simbol identiti bersama yang memperlihatkan bagaimana pelbagai budaya dapat hidup subur dalam suasana harmoni.

8. Tradisi Songkran membuka ruang kepada kita untuk lebih mengenali asal-usul, sejarah serta cara hidup masyarakat Siam yang telah lama menjadi sebahagian daripada landskap sosial negara ini. **Keunikan adat resam dan amalan yang diperturunkan dari generasi ke generasi ini bukan sahaja memperkayakan budaya negara, malah menyemai nilai-nilai murni seperti kasih sayang, hormat-menghormati dan semangat kebersamaan dalam kalangan rakyat.**

9. Sesungguhnya, **warisan budaya seperti Songkran adalah jambatan yang menghubungkan kita semua dalam satu identiti nasional yang utuh.** Ia mencerminkan kekuatan Malaysia sebagai sebuah negara yang menjadikan kepelbagaian sebagai aset, bukan perbezaan. Oleh itu, **menjadi tanggungjawab kita bersama untuk memelihara khazanah ini agar terus terpelihara, supaya generasi akan datang dapat mewarisi, menghargai dan berbangga dengan keunikan negara yang kita cintai ini.**

10. Saya difahamkan bahawa dalam sambutan ini turut diadakan pertandingan Ratu Songkran. Justeru, saya berpandangan agar juara pertandingan ini dapat diketengahkan ke pentas Sambutan Minggu Perpaduan sebagai salah satu usaha menonjolkan keunikan etnik Siam di Malaysia kepada khalayak umum, sekali gus memperkenalkan kepelbagaian budaya yang menjadi kebanggaan negara kita.

KERAJAAN KOMITED MEMELIHARA BUDAYA

Hadirin yang saya hormati sekalian,

11. Untuk makluman, sukacita saya kongsi serba sedikit usaha yang telah dilaksanakan oleh Kerajaan MADANI sepanjang tempoh 2023 hingga 2025. Dalam hal ini, Kementerian Perpaduan Negara telah menyalurkan peruntukan khas kepada masyarakat Siam bagi tempoh tiga tahun tersebut, khususnya untuk melaksanakan **inisiatif berkaitan pendidikan bahasa ibunda, pemeliharaan kebudayaan, serta pengukuhan adat resam masyarakat Siam.**

Tahun 2023 : RM 500,000.00

- RM 500,000.00 bagi Program Pendidikan Bahasa Ibunda, Kebudayaan dan Adat Resam kaum Siam

Tahun 2024 : RM 840,000.00

- RM600,000.00 bagi Pendidikan Bahasa Ibunda dan Kebudayaan Masyarakat Siam Malaysia
- RM200,000.00 bagi Kepelbagaian Etnik dan Warisan Kita
- RM40,000.00 bagi Sambutan Minggu Perpaduan 2024

Tahun 2025: RM 750,000.00

- RM500,000.00 bagi Program Pendidikan Bahasa Ibunda Etnik Siam
- RM150,000.00 bagi Sambutan Perayaan Songkran Peringkat Kebangsaan 2025
- RM30,000.00 bagi Sambutan Minggu Perpaduan 2025
- RM25,000.00 bagi Pameran Adat Perkahwinan Etnik Siam Sempena Festival Budaya Malaysia
- RM45,000.00 bagi Program Rumah Kami Sempena Langkawi International Half Marathon

12. Hari ini, **saya beri jaminan bahawa Kerajaan MADANI akan terus memperkasa dan memelihara kepelbagaian etnik di negara ini, termasuk komuniti Siam**, melalui pendekatan inklusif yang menekankan perpaduan, pemeliharaan warisan budaya serta pemerksaan sosioekonomi. Kepelbagaian adalah

sebahagian daripada aset negara yang menjadi kekuatan dan keunikan Malaysia.

PENUTUP

Hadirin yang saya muliakan sekalian,

13. Sesungguhnya, perpaduan dan keharmonian yang kita kecapai hari ini bukanlah sesuatu yang datang dengan mudah, tetapi hasil usaha berterusan semua pihak dalam membina sebuah negara bangsa yang kukuh dan bersatu padu. Dalam kepelbagaian yang kita miliki, terletaklah kekuatan sebenar Malaysia.

14. Akhir kata, saya ingin menegaskan bahawa **peringkat komuniti merupakan penggerak sebenar kepada agenda perpaduan negara**. Usaha memupuk keharmonian tidak hanya terletak di bahu kerajaan semata-mata, tetapi bermula dari akar umbi daripada jiran kepada jiran, daripada komuniti kepada komuniti. Marilah kita bersama-sama memainkan peranan dalam memelihara keharmonian ini, agar Malaysia terus kekal sebagai sebuah negara bangsa yang aman, inklusif dan berdaya tahan untuk generasi masa hadapan.

15. Dengan ini, saya dengan sukacitanya **merasmikan Perayaan Songkran Peringkat Kebangsaan 2026.**

Selamat Menyambut Songkran! Sawadee Pee Mai!

Sekian, terima kasih.